

Akta 'lindungi masjid diwartakan sejak 1997

BH 24 FEB 2000

UNDANG-UNDANG syariah berhubung penyalahgunaan masjid dan surau untuk tujuan politik sudah lama berkuatkuasa di negeri-negeri, bukan baru digubal selepas pilihan raya umum lalu seperti didakwa pembangkang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Noh Omar, berkata sebagai contoh, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 sudah diwartakan dan dikuatkuasakan pada tahun sama.

Beliau berkata, aspek penkuatkuasaan undang-undang syariah itu hanya ditekankan kebelakangan ini apabila

penyalahgunaan masjid untuk tujuan politik semakin berleluasa.

Katanya, suasana kebanyakannya masjid kini bertukar menjadi medan politik apabila khutbah dan ceramah agama seolah-olah ceramah politik parti pembangkang sehingga memaksa kerajaan menguatkuasakan undang-undang itu.

"Undang-undang ini sudah ada tetapi apabila kita hendak menguatkuasakannya, ia dijadikan isu politik, seolah-olah kerajaan menggunakan kuasa menyekat penggunaan masjid oleh pihak tertentu.

"Kita harap pihak pembangkang jelas bahawa un-

dang-undang ini sudah diadakan sejak 1997 bukannya selepas pilihan raya," katanya menjawab soalan tambahan Abdul Hamid Abdul Rahman (BN-Sungei Benut).

Noh berkata, penggunaan tempat ibadat seperti masjid dan surau untuk menabur fitnah adalah menyalahi undang-undang syarak yang berkuatkuasa di negeri seluruh negara.

Katanya, pesalah boleh disabitkan mengikut peruntukan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama dan boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-

duanya sekali.

"Oleh itu mana-mana pihak yang melanggar, ingkar atau mempertikaikan arahan atau perintah yang ditetapkan majlis agama negeri adalah melakukan kesalahan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Nasharudin Mat (Pas-Yan) mengenai kejadian di Masjid Negara sebelum pilihan raya lalu apabila sebilangan jemaah bertindak keluar selepas merasakan khutbah Jumaat itu berunsur menyokong kerajaan, Noh berkata beliau gembira pihak pembangkang menyedari perkara itu.

"Ini membuktikan bahawa

jika masjid disalahgunakan maka akan berlaku kekecohan. Yang peliknya apabila kita sebut perkara yang benar mengenai apa yang kerajaan buat pihak pembangkang tinggalkan masjid.

"Tetapi apabila pihak tertentu memberi khutbah menghentam kerajaan dan menabur fitnah, kita (ahli Umno) tidak keluar kerana hormat kepada institusi masjid," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan jemaah supaya meninggalkan fahaman politik masing-masing apabila ke masjid supaya tidak mengganggu ketenteraman jemaah lain beribadat.